

Headline	Cerap burung terapi jiwa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Jun 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	577 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,232
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,697



Cerap burung terapi jiwa

Aktiviti ini mendekatkan orang ramai dengan alam semula jadi

Mengenai Burung pada 7 pagi di Paya Burung disambut ciapan pelbagai unggas dan bunyi cengkerik.

"Saya dapat pelajari banyak benda, bukan sahaja mengenali spesies burung tetapi juga habitat, cara hidup dan kepentingan memelihara alam semula jadi," kongsi Amira Nor Sabrina Ambran, 21, pelajar institusi pengajian tinggi itu yang pertama menyertai aktiviti tersebut.



Para peserta yang terlibat dalam Projek Sains Kemasyarakatan Mengenai Burung di FRIM, Kepong baru-baru ini.

KUALA LUMPUR

Terletak hanya 15 kilometer dari pusat bandar raya, hutan ladang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong di sini, menawarkan pengalaman menarik tanpa perlu berbelanja besar bagi warga kota yang menyukai alam semula jadi.



SYUKRI

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan untuk menikmati keindahan fauna dan flora di situ, antaranya ialah memerhati atau mencerap burung di Paya Burung yang dibuka sepenuhnya kepada umum pada 15 Mac lalu.

Bersama 11 lagi peserta, penulis berpeluang mengikuti aktiviti tersebut yang dianjurkan oleh Cawangan Ekopelancongan FRIM, dalam usaha institut itu mendekatkan masyarakat dengan alam semula jadi.

Jika bernasib baik, anda berpeluang bertemu dengan burung rapang duit atau nama saintifiknya *Vanellus indicus* iaitu antara unggas terlindung yang hampir pupus di Malaysia.

Ketibaan penulis dan peserta Projek Sains Kemasyarakatan

Spesies burung

Bagi Shukri Mohd Yusof, 31, aktiviti mencerap burung boleh menenangkan jiwa selain mengenali spesies burung dan habitatnya.

"Jika bernasib baik, boleh tengok habitat burung hijrah yang berasal dari negara lain iaitu spesies yang menangkap ikan menggunakan paruhnya yang panjang di tasik," kata pemandu van dari Selayang Baru itu.

Sementara itu, Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar, Cawangan Ekopelancongan FRIM Ahmad Azaruddin Mohd Noor berkata, projek sains kemasyarakatan tersebut bertindak sebagai serampang dua mata, iaitu mendekatkan orang ramai dengan alam semula jadi dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti.

Menurutnya, setakat ini terdapat 86 spesies burung di Paya Burung termasuk empat yang baru dikenal pasti oleh peserta projek tersebut.

Paya Burung yang ber-

keluasan lapan hektar itu menjadi habitat serta persinggahan pelbagai jenis burung disebabkan kepelbagaian sumber makanan, kawasan hijau yang sentiasa bersih dengan persekitaran lembap.

Kepada yang ingin berjinak-jinak dalam aktiviti ini, anda boleh mencuba tip yang dikongsi oleh Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Ekopelancongan dan Pemuliharaan Malaysia (ECOMY) Andrew Sebastian.

"Pertama, dapatkan sebuah binokular berkualiti selain pakaian yang sesuai untuk melakukan aktiviti tersebut.

"Untuk mengenali jenis burung, anda boleh beli buku tentang burung, tumbuhan dan hidupan liar selain gunakan aplikasi eBird," kongsi beliau.

Menurutnya, terdapat 873 spesies burung yang dikenal pasti di Malaysia dengan 91 merupakan spesies endemik (hanya



Foto seekor burung berwarna merah yang menangkap ikan dengan paruhnya.

boleh ditemukan di wilayah tertentu) atau hampir endemik (hampir keseluruhan populasi ditemukan di wilayah tertentu) yang direkodkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Malaysia juga terletak di laluan migrasi burung, iaitu di tengah-tengah rantau Australasia Timur (merangkumi Australia, New Zealand serta ke-

pulauan berjiran) dan menerima persinggahan kira-kira 250 jenis burung hijrah saban tahun antara September dan Mac.

"Antara kawasan utama untuk aktiviti cerap burung ialah Kuala Selangor, Royal Belum, Taman Negara Kuala Tahan, Bukit Fraser serta Taman Negara Bako di Sarawak dan Kinabatangan di Sabah," katanya. -Bernama